

DATE : 05 JUNE 2013
PUBLICATION : HARIAN METRO
SECTION : BUSINESS SECTION
HEADLINE : APPLIES FOR TIME EXTENSION FOR
KLIA2 CONSTRUCTION
CATEGORY : COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 150 SQ CMS

Mohon tempoh lanjutan siapkan pembinaan KLIA2

Kuala Lumpur: Konsortium UEM-Bina Puri meminta tempoh lanjutan sehingga September atau Oktober tahun ini untuk menyiapkan kerja pembinaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

Pengarah Eksekutif Bina Puri Holdings Bhd Matthew Tee Kai Woon berkata, alasan bagi lanjutan masa itu adalah kerana terdapat banyak perubahan dibuat termasuk perubahan pandangan antara pemilik Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dan pengguna terminal penerbangan tambang rendah itu.

“Berdasarkan kepada alasan itu, syarikat yakin konsortium terbabit tidak perlu membayar Ganti Rugi Yang Ditetapkan dan Ditetapkan (LAD) kepada MAHB kerana kelewatan ini,” katanya pada taklimat media di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, bahagian kerja konsortium itu yang bernilai RM997.2 juta, kini sudah 93 peratus siap.

MAHB, pada 29 Mei, mengumumkan menerusi Bursa Malaysia Securities bahawa ia memutuskan untuk mengenakan LAD terhadap kon-



MATTHEW

traktor KLIA2 dan sebarang rekursu lain yang sedia ada kepada syarikat yang berada di bawah kontrak.

Kerja mereka bentuk, membina, menyiapkan, menguji dan mengoperasi serta menyenggara bangunan terminal utama, bangunan satelit dan jambatan udara pada awalnya dijangka siap pada 15 Jun.

UEM Construction Sdn Bhd memegang 60 peratus kepentingan dalam konsortium itu dan Bina Puri 40 peratus.
-BERNAMA

To : Distribution List
From : Corporate Communications Department
Date : 5/6/2013
Subject : **BINA PURI NEWS UPDATE**

***For staff information and update*